

**NO. SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING**

**TARIKH : 24 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9032**

**SOALAN:**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghalang tindakan salah guna kuasa Kerajaan Negeri Sarawak dalam menghalang Ahli Parlimen memasuki negeri tersebut untuk membantu kempen pilihan raya negeri Sarawak (PRN) selaras dengan seksyen 67 Akta Imigresen 1959/63.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-pertua,**

**Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Negeri Sarawak mempunyai kuasa mutlak untuk menguatkuasakan larangan kemasukan individu-individu atau ahli-ahli Parlimen ke Sarawak.**

**Hal ini berdasarkan justifikasi-justifikasi kukuh dari segi perundangan Negeri Serawak.**